

MPP-UPM rangka strategi laksana tanggungjawab 22

MAJLIS Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) sesi 2004/2005 menggariskan empat matlamat utama dalam melaksanakan tanggungjawab dan agenda perjuangan mereka berlandaskan motto 'Menjulang ilmu, menabur bakti'.

Presidennya, Adli Mohd Shariff, berkata pelbagai strategi dirangka bagi mencapai matlamat membabitkan aspek kebajikan, akademik, sahsiah dan perpaduan itu, sesuai visi mereka sebagai pemangkin mahasiswa universiti kelas pertama.

Beliau berkata, matlamat pertama ialah memastikan kebajikan pelajar dijaga dan mendapat hak yang sepatut dinikmati menerusi lima strategi, termasuk membantu Bahagian Hal-Ehwal Maha-

siswa (BHEM) mengkaji semula sistem penjadualan bas berikutan rungutan ramai pelajar bahawa perkhidmatannya tidak begitu efisien.

"Strategi lain ialah bekerjasama dengan Majlis Tertinggi Mahasiswa di kolej kediaman UPM bagi menjalankan kajian dan mengetahui perbezaan harga makanan di setiap kafe, di samping bekerjasama dengan MPP di institusi pengajian tinggi awam lain, khususnya di Lembah Klang, untuk mengetahui kadar di kampus mereka.

"Kami juga akan mengemukakan cadangan harga makanan bersesuaian bagi kampus UPM setelah mengkaji jumlah perbelanjaan makanan yang mampu diperuntukkan mahasiswa UPM berdasarkan jumlah pinjaman di-

terima, sama ada separuh atau penuh.

"Kajian ini amat penting kerana setiap tahun mahasiswa merungut harga makanan di dalam kampus terlalu tinggi dan membebankan, tetapi masih tiada perubahan," katanya ketika berucap pada Majlis Mengangkat Sumpah MPP UPM Sesi 2004/2005 dan Amanah Naib Canselor, Prof Datuk Dr Muhammad Zohadie Bardaie, di Serdang, kelmarin.

MPP UPM kali ini membariskan 48 ahli, termasuk Noor Amin Ahmad sebagai Timbalan Presiden, Safinah Dzulkepli (Setiausaha Kehormat) dan Phang Wai Kit (Bendahari Kehormat). Penyandang jawatan lain akan ditentukan kemudian.

Bagi mencapai matlamat pertama juga, Adli berkata, strategi lain ialah

menyarankan BHEM mengkaji semula sistem merit di UPM, mewujudkan kaunter aduan secara berkala dan biro baru iaitu Biro Perhubungan Awam dan Publisiti, memperkenalkan MPP, serta berunding dengan pihak bank untuk menyediakan mesin ATM di kawasan kolej kediaman.

Katanya, matlamat kedua ialah memohon disediakan suasana serta prasarana kondusif untuk melahirkan pelajar cemerlang menerusi lima strategi, iaitu berbincang dengan dekan fakulti bagi mempertingkatkan kemudahan peralatan di dalam makmal serta memperketatkan pengambilan tutor yang membantu dalam kuliah amali serta menyarankan pihak perpustakaan menambah baik kualiti buku.